

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 36 RABU 9 SEPTEMBER 1970 1390 رابو 8 رجب PERCHUMA

Paduka Seri Begawan Sultan akan rasmikan pameran buku2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah berkenan untuk merasmikan pembukuan sa-rentak bagi pameran buku2 dan pameran seni lukis sempena istiadat penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Istiadat merasmikan pameran itu di-jadualkan berlangsung pada hari Selasa, 29 September ini pada pukul 10.00 pagi di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Dalam pameran itu, karya2 penulisan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan akan di-jadikan tema utama di-samping karya2 penulisan orang2 Brunei dan penerbitan2 luar negeri.

Duli Yang Teramat Mulia itu terkenal sa-bagai pengarang beberapa buah buku shaer yang bermutu tinggi dan buku2 shaer tersebut akan juga di-pamerkan untuk memberi peluang kepada raayat jelata menatap-nya.

Di-antara buku2 shaer Duli Yang Teramat Mulia itu yang akan di-pamerkan termasuklah "Shaer Asli Rajang Sari", "Shaer Perlembagaan Negeri Brunei" dan "Rampaian Laila Shaer".

Mengenai dengan penerbitan2 karya dari orang2 Brunei sama ada yang sudah terbit lama atau yang baru saja di-terbitkan, jawatankuasa pameran tersebut mengharapkan supaya pengarang2 yang berkenaan bagi satu2 penerbitan itu akan dapat menyumbangkan jasa baik mereka untuk bekerjasama bagi menghantarakan karya2 mereka kepada jawatankuasa pameran tersebut tidak lewat pada 25 September ini.

Sa-orang juruchakap pameran itu berkata bahawa Brunei sejak beberapa lama dahulu tidak ketinggalan dengan pengarang2-nya yang sudah mengusahakan penerbitan beberapa buah buku.

Beliau berkata, sejak akhir2 ini pula beberapa orang pengarang muda Brunei telah pun menunjukkan kebolehan mereka dengan menghasilkan bebe-

rapa buah buku sama ada yang berbentuk kumpulan2 cerpen dan sajak2 mahupun buku2 cerita yang di-padankan dari sejarah negeri ini.

Kerana itu, menurut beliau, maka jawatankuasa pameran tersebut telah menempatkan buku2 karya orang2 Brunei itu sa-bagai yang kedua pentingnya di-samping mengharapakan timbul-nya semangat baru di-kalangan sasterawan2 muda tanah ayer untuk meneruskan usaha2 itu pada menghasilkan buku2 yang lebeh bernilai.

Menyebut dengan penerbitan2 luar negeri yang lahir dalam lingkungan tahun 1950 hingga tahun 1970 ini, juruchakap itu menjelaskan:

"Lebeh dari 10 buah penerbit2 di-Singapura dan Malaysia telah pun di-hubongi mengenai dengan peluang2 untuk mereka mempamerkan buku2 yang terbit dalam lingkungan tahun2 1950 —1970".

(Lihat Muka 8)

Kawasan untuk penarohan kereta

BANDAR BRUNEI. — Masa'alah penarohan kereta di-Bandar Brunei akan berkurang apabila bekas tapak pasar malam di-belakang Panggong Boon Pang Baru di-jadikan tempat penarohan kereta.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya berkata, jabatan itu telah siap membuat pelan tapak itu dan akan mengawasi kerja itu.

Beliau berkata, pelan itu telah pun di-kemukakan kepada Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Brunei Muara bagi pertimbangan dan di-luluskan.

Kerja akan di-mulakan sa-baik2 sahaja pelan itu di-luluskan.

D.Y.M.M. menerima tabek

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peruan Negeri Brunei telah menerima tabek kehormatan dari anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah menyertai pertunjukkan tattoo di-Edinburgh.

Rombongan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang mengandongi sa - ramai 135 orang termasuk paso-

kan pancharagam - nya meninggalkan Brunei dalam bulan Julai lepas untuk mengambil bahagian dalam beberapa pertunjukkan tattoo di-United Kingdom.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sekarang ini berada di-United Kingdom, Baginda berada di-sana sejak 13 Ogos lepas.

PAMERAN SENILUKIS ISTIMEWA

BANDAR BRUNEI. — Lima orang pelukis dan sa-orang jurugambar tempatan akan mempamerkan karya2 mereka di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka sempena menyambut istiadat penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Pelukis2 tersebut ia-lah Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, Awangku Mohammad

bin Pengiran Abd. Rahman, Awang Salleh Ibrahim, Awang Rahim Ahmad dan Awang Wahid Hussin, sementara jurugambar yang akan mempamerkan gambar2-nya ia - lah Awangku Taib bin Pengiran Mohammad.

Pameran itu akan berjalan serentak dengan pameran buku2 yang perasmian pembukaannya di-jangka di-laksanakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Pada Seri Begawan Sultan pada hari Selasa, 29 September ini. Pameran2 tersebut akan berjalan sa-lama dua minggu dan orang ramai akan berpeluang menyaksikan-nya mulai pukul 8.30 pagi hingga 12.00 malam pada tiap2 hari di-sepanjang pameran itu berjalan.

Sa-orang juruchakap pameran senilukis menyatakan, keseluruhan lukisan2 yang akan di-pamerkan itu ada-lah berkisar kepada tema sejarah Negeri Brunei dan kehidupan raayat-nya dari zaman pemerintahan Sultan Bolkihah hinggalah ka-hari ini.

Juruchakap itu menambah, peristewi2 penting yang bertakut dalam jangka waktu itu akan chuba di-abadikan oleh pelukis tanah ayer dengan berpandukan chatetan2 sejarah negeri ini.

Keseluruhan lukisan2 itu akan di-olah dengan menggunakan chat minyak dan lukisan2 batek dan dalam bidang sa-besar 6

(Lihat Muka 8)

Rangkaian wang2 shiling Brunei untuk di-jual

Wang2 shiling Brunei untuk chendera-mata ia-itu yang berharga 1 sen, 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen ada-lah sekarang di-jual kepada pengumpul2 wang shiling dengan harga \$18.50 bagi satu set.

Shiling2 tersebut adalah di-buat khas daripada logam yang di-sepoh berkilat. Wang2 shiling ini boleh di-dapati daripada Lembaga Mata Wang Brunei atau daripada Bank2 di-Brunei.

Lembaga Mata Wang Brunei akan di-buka untuk menjual wang2 shiling tersebut pada hari2 Isnin dan Rabu mulai pukul 8.00 hingga 11.00 pagi.



Gambar atas menunjukkan Datin Masnah binte Haji Mohd. Yusof, isteri Y.B. Setia Usaha Kerajaan sedang menyampaikan piala kepada Koh Bersaudara yang telah memenangi peraduan Talentime Radio Brunei 1970 bahagian kumpulan yang telah diadakan di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei baru2 ini.

Pemenang bahagian perseorangan lelaki ia-lah Awang Mohanda Annamalay sementara johan dalam bahagian perseorangan wanita telah di-sandang oleh Dayang Veronica Then.

Sa-ramai 23 orang peserta termasuk lapan orang wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

80 peratus telah siap

BANDAR BRUNEI.—Lebeh dari 80 peratus kerja2 pembeanaan kompleks Tugu Peringatan Sir Winston Churchill di-Jalan Sultan, Bandar Brunei telah pun siap.

Sa-orang juruchakap sharikat Allister MacDonald dan Rakan, jurutera2 penasehat yang merika projek tersebut, dan mengawasi kerja2 pembeanaan-nya bagi pehak kerajaan, ketika menyatakan demikian berkata, memandang kapada kemajuannya pembeanaan ada-lah di-harapkan projek itu akan siap pada jangka masa-nya dalam bulan Jun tahun hadapan.

Kata-nya, bangunan pejabat Perikanan Negeri ada-lah dalam peringkat persiapan-nya dan akan siap tidak beberapa lama lagi.

Projek tersebut di-anggarkan menelan belanja \$3.35 juta dan kerja-nya di-mulakan lewat tahun lalu.

Ia-nya mengandungi bangunan atas dan kerja2 pemasangan serta berbagai peralatan yang lain-nya.

Apabila siap kompleks tersebut akan mempunyai sa-buah dewan pameran, sa-buah kolam ikan, pejabat Perikanan Negeri dan Dewan Peringatan Churchill.

Belia2 di-seru amalkan sifat perpaduan

BANDAR BRUNEI. — Pesurohja Kebajikan Masyarakat Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri, telah mengingatkan seluroh belia2 di-negeri ini, supaya terus mengamalkan sifat perpaduan dan berbaik sangka di-kalangan masyarakat belia yang berlainan bangsa dan ugama.

Beliau juga menyeru mereka supaya menjaga moral yang tinggi untuk mengharumkan nama belia dan menjaga nama baik Brunei.

Pesurohja Kebajikan Masyarakat itu telah berucap demikian di-dewan Persatuan Pemuda Pemuda Sultan Lama pada hari Ahad lalu kerana majlis keshukoran atas kejayaan persatuan itu, dalam bahagian sokan baru2 ini.

Rumah pahlawan jadi johan

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara telah mengadakan lumba berenang di-Kolam berenang Bandaran di-Berakas pada minggu lalu.

Sa-jumlah dua puluh acara termasuk lumba berganti2 4 x 50 meter yang terbuka kapada sekolah2, maktab2 dan kelab2 di-negeri ini telah di-pertandingkan.

Rumah Pahlawan telah muncul sa-bagai johan dalam perlumbaan itu.

Lumba berganti2 terbuka kapada sekolah2 dan maktab2 telah di-menangi oleh Maktab SOAS 'A', sementara lumba berganti2 terbuka kapada kelab2 telah di-menangi oleh pasukan Persatuan Renang Amateur Brunei 'A'.

Tambahan Pesurohja Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menyampaikan hadiah2 di-akhir pertandingan itu.

Ahli2 persatuan itu juga di-seru supaya ikut serta dalam temasha keramaian bagi menyambut hari pertukaran nama Bandar Brunei ini, menjadi Bandar Seri Begawan bulan hadapan.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh juga telah menyampaikan ucapan tahniah kapada pemimpin2 persatuan itu atas kejayaan memajukan persatuan-nya.

Turut berucap di-majlis itu ialah Pengurus Majlis Awang Ismail bin Apong dan Yang Di-Pertuanya Awang Sulaiman bin Puteh.

Sementara hadiah2 kemenangan persatuan itu di-sampaikan oleh Awang Haji Omar bin Duah, ketua kampung Sultan Lama.

\$3,500 di-perolehi dalam temasha tari menari

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah mengutip sa-banyak \$3,500 dalam temasha tari menari yang telah di-adakan di-Kelab Shell baru2 ini.

Temasha tari menari itu di-adakan untuk mengutip derma bagi tabung majlis tersebut.

Sa-orang juruchakap majlis itu telah menguchapkan terima kasih kapada mereka yang menolong menjayakan temasha tersebut termasuk penderma2 hadiah.

Tiket2 masuk yang memenangi hadiah ia-lah seperti berikut:

Hadiah pertama — Tiket No. 0144, hadiah kedua — Tiket No. 1053, hadiah ketiga — Tiket No. 1004, hadiah keempat — Tiket No. 0174, hadiah kelima — Tiket No. 1034.

Mereka yang belum menerima hadiah2 itu ada-lah di-minta supaya berhubung sama ada dengan Setiausaha, Awang V. A. Salam, di-Seria Tel. No. 330 atau pengurus Pehin Dato P.A. Coates, di-Bandar Brunei Tel. No. 2356.

Persidangan Majlis2 Mashuarat Daerah

BANDAR BRUNEI.—Majlis Mashuarat telah mengadakan sidang bulanan-nya di-Dewan Kemasyarakatan di-Bandar Brunei pada hari Sabtu lalu.

Sidang yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah meluluskan satu usol.

Usol itu yang di-bentangkan oleh Awang Haji Othman bin Bidin, ahli di-lantek meminta kerajaan supaya memperbaiki perkhidmatan2 pos bagi kawasan2 Kampong Ayer supaya surat2 dapat di-hantarkan dengan chepat-nya.

Usol itu ada-lah pindaan kapada usol yang terdahulu dari itu yang di-bentangkan oleh Awang Haji Omar bin Ibrahim, wakil bagi Burong Pinggai, yang telah meminta pehak berkuasa pos supaya menambahkan bilangan posman yang menghantar surat di-kawasan Kampong Ayer.

Majlis itu juga membincangkan beberapa soalan bertulis yang di-kemukakan oleh ahli2.

Di-Tutong, — Pegawai Daerah Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah menasehatkan ahli2 majlis bahawa tugas mereka adalah untuk menasehatkan pegawai daerah.

Beliau memberitahu ahli2 di-sidang bulanan Majlis Meshuarat Daerah Tutong pada hari itu juga bahawa sa-barang masa'alah yang berhubungan dengan daerah itu hendak-lah di-kemukakan kapada beliau dan bukan kapada Setia Usaha Kerajaan atau ketua2 jabatan.

Tidak ada ketetapan di-bentangkan dalam sidang itu.

Majlis Mashuarat Daerah Temburong juga telah bersidang pada hari Sabtu lalu.

Tidak ada usol di-luluskan dalam majlis tersebut.

Kelas2 trengkas, menaip di-buka

BANDAR BRUNEI. — Pelajar2 trengkas dan menaip aliran Melayu anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah di-nasehatkan supaya hadir belajar sa-tiap kali kelas di-buka.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pelajar2 yang gagal dalam peperiksaan bulan Jun lalu dan ingin menyambung pelajaran-nya, boleh mendaftarkan nama mereka kapada guru di-kelas itu.

Pelajar2 yang tidak memasuki kelas dan kedatangan-nya kurang dari 80 peratus tidak akan di-benarkan memasuki peperiksaan akan datang.

PERCHAYA kepada ada-nya hari kiamat ada-lah satu daripada rukun iman dan barang siapa yang tidak perchaya, maka tidak-lah ia di-katakan beriman. Allah Subhanahu-Wataala telah menegaskan dalam firman-Nya yang bermaksud:

"**Sesungguh-nya** saat (hari kiamat) itu sudah tentu akan datang tiada di-ragu2kan lagi tentang itu, tetapi ke-banyakan manusia tidak memperchayai".

Apakah keperchayaan kepada hari kiamat itu boleh melemahkan semangat manusia bekerja untuk hidup di-dunia, dan hanya mementingkan apa yang di-katakan untuk mati sahaja?. Atau dengan lain perkataan adakan orang Islam itu tidak di-suruh hidup di-dunia dengan senang? — sa-bagaimana umat manusia lain yang menikmati kesenangan di-dunia yang di-jadikan oleh Allah.

Ada-lah salah sangkaan barang siapa yang berpendapat begitu, dan itu-lah sangkaan atau pendapat yang tidak berdasarkan keimanan yang sa-benar dan tidak mengikut lunas2 shari'at Ugama Islam yang betul. Apa yang sebenarnya ia-lah dengan perchaya kepada hari kiamat, yang mana hari pembalasan itu, umat manusia akan bersikap adil dan lurus, pada tingkah laku dan amalan, memandu manusia membersehhkan hati daripada hasrat dengki dan tamak, takut berdusta dan menipu dan tidak mahu membuat larang Allah kerana dia tahu bahawa dia akan di-hukum oleh Allah di-akhirat sekira-nya berbuat demikian.

SESUNGGUH-NYA HARI KIAMAT

TENTU DATANG

KHUTBAH JUMA'AT

Dengan perchaya kepada hari kiamat, umat manusia akan bersikap adil dan lurus dan tidak akan melakukan perkara2 yang di-larang oleh Allah.

Maka dengan takut di-hukum oleh Allah di-akhirat dengan hukuman yang maha adil, tidak dengan pendapat dzahir atau dengan kiasan tetapi dengan kenyataan dan saksi2 yang terang dan pengakuan si-pembuat sendiri, ada-lah satu alat yang ghaib untuk menggerakkan diri manusia itu kepada beramal kebajikan, suka berbuat baik dan tekun terbuat ibadat, kerana pengadilan Allah di-akhirat tidak memandang kepada bangsa atau darjah ketinggian di-dunia, tidak menilik kepada kaum atau saudara, tetapi Allah menghukum di-atas apa yang di-amalkan oleh seseorang itu.

Sa-telah kita faham bahawa perchayakan hari kiamat itu ada-lah mendorong manusia kepada beramal dengan sesungguh2 dan bekerja dengan

ikhlas bukan kerana satu2 perkara di-sebalek-nya tetapi bekerja kerana tanggung-jawab dan kewajipan sa-bagai sa-orang hamba Allah yang hidup di-dalam masyarakat, atau di-dalam negara yang ada dengan peratoran dan segala kerja2 itu tidak membawa kepada melawan atau derhaka kepada Allah.

Oleh itu, jika umat Islam beramal dengan ajaran dan patoh kepada surohan Allah Subhanahu - Wataala, neschaya tidak-lah kita mesti churiga di-antara satu sama lain, dan tidak-lah timbul perasaan hasrat dengki bahkan apa yang di-kehendaki ia-lah bersifat amanah dan jujur serta ikhlas, tidak mendzalimi di-antara satu dengan lain dengan apa chara sekali pun.

Maka insha Allah kita akan sampai kepada peringkat kesuchian ugama Islam-ketegohan umat-nya dalam masyarakat dan hidup tolong menolong dan bersama2 menjaga dan bertanggung jawab memusnahkan musuh2 Islam yang akan merosakkan iman orang2 Islam dan melemahkan semangat umat Islam dengan beramal segala ajaran-nya.

Peraduan Quran Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Peraduan membaca Kitab Suchi Al-Quran bagi perengkat Daerah Belait akan di-adakan di-padang KBRC, Kuala Belait pada 12 September, 1970 mulai jam 8.00 malam.

Sa-ramai 12 orang peserta termasuk 6 orang peserta wanita akan mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Johan dan naib-johan dalam tiap2 bahagian akan mewakili daerah Belait ka-pertandingan perengkat Negeri yang akan berlangsung di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei tidak beberapa lama lagi.

Peraduan Membaca Al-Quran bagi Perengkat Daerah Belait itu akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, sementara hadiah2 akan di-sampaikan oleh isteri beliau.

Penyemboran DDT

BANDAR BRUNEI. — Pasokan penyembor Projek Penghapus Malaria akan pergi ka-Daerah2 Temburong dan Tutong untuk menyembor rumah2 di-11 buah kampung dengan ubat DDT.

Ada-lah di-anggarkan bahawa 575 litre ubat DDT akan digunakan untuk menyembur semua 162 buah rumah, dan lain2 beana di-kampung2 di-dua buah daerah itu.

Peihak berkuasa Projek Penghapus Malaria telah meminta penghulu2 dan ketua2 kampung yang terlibat itu supaya bersedia menolong rombongan penyembur itu.

Kursus 'Wood Badge' perengkat kedua

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pelateh Pertubohan Pengakap Negeri Brunei akan menjalankan Kursus Wood Badge 'Part Two' (Bahagian Praktikal) mulai pada 9 Oktober hingga 17 Oktober bertempat di-kawasan Perkhemahan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong.

Pemimpin2 Pengakap yang telah lulus Kursus Permulaan atau P.T.C. ada-lah berkelayakan memohon untuk di-pertimbangkan bagi mengambil bahagian dalam kursus itu.

Borang2 permohonan untuk menyertai kursus itu boleh-lah di-dapati daripada Pesuruhjaya2 Pengakap di-daerah masing2.

Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah masing2 tidak lewat daripada hari Isnin, 14 September, 1970.

Pemohon2 yang berjaya bagi mengikuti kursus itu akan di-kenakan bayaran \$20.00.

Pembayaran itu hendak-lah di-jelaskan kepada Quarter

Master, Pasokan Pelateh Pertubohan Pengakap Negeri Brunei di-Pejabat Pasokan Pelateh di-Perkhemahan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada 9 Oktober, 1970.

Tiga penyakit malaria di-sahkan

BANDAR BRUNEI. — Projek Penghapus Malaria dalam laporan-nya tiga bulan sekali telah menyatakan tiga kejadian penyakit malaria sejak bulan Jun tahun ini, dan kesemua-nya ada-lah yang di-bawa masuk dari luar negeri.

Mangsa2 wabak itu menda'wa telah di-serang oleh penyakit malaria sa-belum datang ka-Brunei.

Selama beberapa tahun lalu telah tidak berlaku kejadian penyakit malaria yang berasal dari negeri ini. Ini ada-lah hasil dari ranchangan penghapusan malaria yang di-laksanakan oleh projek itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 Sept. 1970 hingga ka-hari Selasa 15 Sept. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
9 Sept.		12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55
10 Sept.		12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55
11 Sept.		12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54
12 Sept.		12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54
13 Sept.		12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54
14 Sept.		12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54
15 Sept.		12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



9hb. September 1970

MASAALAH2 KESIHATAN PENDUDOK

SA-ORANG Penasihat dari Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia yang di-perbantukan ka-Brunei, Awang I. W. Adams menekankan bahawa kesihatan masarakat ada-lah bergamong kepada kesihatan sa-saorang yang tinggal dalam sa-buan kampung dan sekira-nya ada yang mengidap penyakit yang berjangkit maka ia-nya merupakan ancaman kepada mudi2 orang. Ini ada-lah memerlukan pengawatan yang rapi.

Mata2 peajaran teknikal yang meliputi kepada berbagai2 peneualan ada-lah perlu di-bekalkan kepada merinyu2 kesihatan luar bandar bagi melaksanakan kebersihan dan menegahkan penyakit supaya tidak merebak. Merinyu2 itu juga ada - lah perlu menjalan-kan tugas2 mereka di-kawasan2 bandaran bagi memerhatikan kebersihan makanan di-kedai2 makan dan penghapusan alat, nyamok, tikus dan sa-bagai-nya.

Pada keseluruhan-nya, Awang Adams menekankan bahawa Jabatan Kesihatan dan Perubahan ada - lah bertanggung - jawab dalam perkhidmatan - nya untuk memberi rawatan2 dan melaksanakan tindakan2 untuk menegahkan sebarang penyakit sama ada bagi orang persa-orangan, masarakat kampung, murid2 sekolah dan sa-bagai-nya.

Saranan beliau mengenai kesihatan masarakat yang bergantong kepada kesihatan sa-saorang itu ada-lah merupakan satu bahan penting untuk di-bicarakan, walaupun pada dasar-nya soal itu berbentok ring-an.

Satu kebiasaan yang maseh belum dapat kita nafikan, malah dapat di-katakan mendarah daging bagi satengah2 penduduk ia-lah tabiat menyembunyikan penyakit. Tabiat ini kebanyakan-nya berlaku dari desakan2 rasa takut untuk di-masokkan ka-rumah sakit atau pendapat yang tidak berguna ia-itu membiarkan diri untuk mati di-ke-lilingi keluarga.

Menyembunyikan penyakit terutama yang mudah berjangkit ada-lah satu perbuatan yang tidak hanya menipu diri sendiri, tetapi juga membahayakan kesihatan masarakat, malah dapat di-katakan mengancam nyawa orang2 di-keiling pesakit itu tadi. Demikian juga dengan pendapat untuk mati di-tunduki oleh keluarga itu ada-lah satu perkara yang tidak dapat membantu pesakit2 itu untuk memperbaiki kesihatan-nya, bahkan serba mungkin pula timbul-nya bahaya2 kesihatan terhadap keluarga-nya itu jika penyakit-nya mudah berjangkit. Menjaga kebersihan kampung harus juga mendapat perhatian yang wajar dari penghulu2 dan ketua2 kampung serta anak2 buah mereka. Penduduk2 kampung yang biasa dengan gotong-royong mereka, apalagi timbul-nya persatuan2 belia harus menjalankan ikhtiar2 kebersihan itu.

Pindek-nya, saranan2 yang dibuat oleh Awang Adams itu harus mendapat perhatian yang wajar dari semua pihak jika kita benar2 inginkan satu darjah kesihatan yang tinggi di-negeri ini.

PENTADBIRAN AWAM

Oleh: AWANG ABD. AZIZ UMAR AL-HAJ

(Peringatan: Segala apa yang saya perkatakan dalam sharahan ini ada-lah semata2 pendapat saya sendiri dan hanya saya yang bertanggung-jawab terhadap-nya. Selanjut-nya sharahan ini sama sekali tidak ada kaitan-nya dengan sa-barang pendirian atau dasar Kerajaan Brunei; sama ada sa-chara langsung atau sebalak-nya).

PENDAHULUAN.

PENTADBIRAN Awam ia-lah salah satu perkataan atau istilah yang kerap kali atau rapat kali menjadi tajok perbualan ia-itu sama ada mengenai kebaikan, keburukan, kelemahan, ketegasan dan lain2 sifat terhadap-nya. Perbualan dan perbahathan mengenai pentadbiran awam ini bukan sahaja popular di-kalangan anggota2 masarakat bahkan juga di-kalangan kaum2 intelek, ahli2 perniagaan dan boleh di-katakan keseluruhan perengkat masarakat. Kadang2 ada di-antara-nya menyedari bahawa mereka itu membincangkan atau menyentuh perjalanan Pentadbiran Awam dan kebanyakan pula yang tidak menyedari-nya tetapi semua-nya, pada sa-suatu ketika, menyentuh perihal Pentadbiran Awam. Mithal-nya "mengurapakkan" perihal kekurangan ayer, kelichinan perjalanan bus sekolah, penutupan gerai2 di-bela-kang Panggong Boon Pang, perlantekan ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan persidangan2 kemunchak ada-lah semua-nya merupakan perlaksanaan pentadbiran awam. Jadi, dari pandangan kasar Pentadbiran Awam itu sa-akan2 ada kaitan-nya dengan setiap tajok yang di-perbualkan; sama ada tajok yang serius atau pun yang di-jadikan paibunan.

Sa-benar-nya, apakah erti-nya "Pentadbiran Awam" ini? Dari Oxford English Dictionary, "Pentadbiran" atau "Administration" itu di-istilahkan sebagai "perlaksanaan" ia-itu perlaksanaan sa-suatu tugas atau tanggung-jawab atau peratoran2 terhadap sa-sabua badan seperti jabatan, opis atau kementerian. Perkataan "Awam" atau "Public" ia-lah yang mengenai dengan penduduk2 negeri atau tempatan atau yang mengenai dengan orang ramai keseluruhan-nya atau yang membabitkan orang2 ramai. Maka dari apa yang saya katakan itu tadi, perkataan "Pentadbiran Awam" atau "Public Administration" boleh-lah di-istilahkan sebagai "Perlaksanaan sa-suatu peratoran, tugas atau tanggung-jawab yang mengenai atau

RENCHANA "Pentadbiran Awam" ini ia-lah sharahan khas yang di-sampaikan oleh Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj di-Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah yang berlangsung dalam bulan Ogos lepas di-Maktab SOAS.

Kandungan sharahan beliau ini telah menitik-beratkan kepada penerangan2 yang perlu di-ketahui oleh raayat dan penduduk negeri ini berhubung dengan pengertian pentadbiran awam yang sa-bahagian besar-nya maseh kurang di-fahami.

Dengan tersiar-nya renchana ini, mudah2an akan dapat membantu orang ramai untuk mengetahui lebih jelas lagi mengenai dengan tajok tersebut, di-samping beberapa tajok kecil yang tidak kurang penting-nya seperti mengenai "Perlembagaan Negeri Brunei" dan "Pengambilan Pegawai2". RENCHANA ini akan di-siarkan sa-chara bersambung2. — Pengarang.

melibatkan orang2 ramai". Dalam erti kata lain lebih jelas lagi di-istilahkan Pentadbiran Awam itu ia-lah satu istilah yang di-pakai bagi menandakan perlaksanaan sa-suatu dasar negara melalui Kerajaan yang berkaitan. Ini bererti, pada praktik, ia-lah usaha2 yang di-jalankan oleh badan2 Kerajaan seperti jabatan atau kementerian; yang timbol dari sa-suatu dasar yang tertentu. Tidak heran-lah sa-tengah2 perengkat terutama sekali di-kalangan badan2 pendidekan "Pentadbiran Awam" itu juga di-sebut sebagai "Kerajaan" dan "Politik". Jadi perkataan "Pentadbiran Awam" itu adalah sama erti-nya dengan perkataan2 "Kerajaan" atau "Politik".

DASAR

Dasar biasa-nya timbul atau di-asaskan dari keadaan sa-suatu masarakat atau penduduk2 sa-sabua negara. Keadaan masarakat itu ada-kalanya di-istilahkan atau di-ertikan oleh pemimpin2 atau pehak2 pemerintah atau pun oleh sa-suatu badan politik atau ahli2 politik. Pendapat2 terhadap keadaan masarakat ini lazim-nya di-"pisi" dan di-analisa dan setelah semporna di-jadikan dasar atau mutalimat. Dasar itu pula di-jadikan undang2 atau peratoran, dan dari undang2 serta peratoran2 inilah timbol-nya Jabatan2 Kerajaan atau badan2 awam sebagai alat bagi perlaksanaan-nya. Jadi dapat-lah kita simpulkan bahawa Pentadbiran Awam itu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan keadaan sa-suatu masarakat atau penduduk2 sa-sabua negara ia-itu hasrat2 orang ramai yang menimbulkan dasar, dengan Majlis Perundangan yang menimbulkan undang2 dan peratoran2 dan dengan jabatan2 kerajaan atau badan2 Kerajaan termasuk-lah badan2 kehakiman. Tegak atau lemah atau efektif-nya Pentadbiran Awam itu ada-lah tergantung kepada qualiti ahli2 politik atau ahli2 pemerintah, kekuatan dan kesesuaian undang2 atau peratoran2-nya, tata terib atau susunan badan atau jabatan2 kerajaan yang berkaitan dan keadilan pun-

cha2 kehakiman yang terdapat. Oleh yang demikian masalah2 Pentadbiran Awam ada-lah membayangkan hubong2 yang rapat yang saya sebutkan itu tadi ia-itu keadaan masharakat, perundangan dan kehakiman. Selain dari itu masalah2 itu ada-lah juga membayangkan perengkat kemajuan sa-sabua negara ia-itu sa-takat mana kerajaan atau civilisation yang telah terchapai oleh penduduk2 negara itu, zaman yang di-lalui oleh penduduk2 itu ia-itu sama ada memasoki zaman Appolo. Selanjut-nya sebagai petunjuk atau yang menandakan kedudukan sa-sabua negara ia-itu sama ada ia-nya sa-buah negara di-Asia, Eropah dan lain2 dan suasana politik negara itu. Pada pandangan dan penglihatan. Pentadbiran Awam ada-lah mengenai dengan keselamatan raayat dan negara, ranchangan2 kesehatan, pelajaran, perusahaan dan penggunaan sumber2 kekayaan, pengangkutan serta perkhidmatan kemasharakatan. Selain dari itu Pentadbiran Awam juga bersangkutan dengan pembenaan jalan raya, pembekalan ayer dan elektrek, pembangunan ekonomi dan pembenaan projek2 infra-structure seperti pelabohan dan lapangan terbang. Hubongan antara bangsa, asas2 perpaduan dan pemeliharaan moral seperti perkembangan ugama, bahasa dan kebudayaan ada-lah juga menjadi aktiviti utama Pentadbiran Awam terutama sekali pada zaman yang di-anggap sebagai zaman moden ini. Pidek kata tidak heran-lah masalah2 pentadbiran awam boleh membayangkan atau di-sifatkan sebagai petunjuk atau tanda2 yang menunjukkan kedudukan kehidupan keseluruhan penduduk2 atau negara yang berkaitan.

Awang2 dan Dayang2 yang di-hormati sekalian; memang lojik dan otomatik sistem sa-suatu pentadbiran itu tidak semesti-nya sama di-antara sa-sabua negara dengan negara2 lain, dan tidak pula semesti-nya di-lainkan di-antara satu sistem dengan sistem yang lain. Dalam erti kata lain, sa-buah negara itu ada-lah mempunyai

(Lihat Muka 8)

KAWALAN RAPI TERHADAP KESIHATAN PENDUDOK

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Penasehat dari Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia Awang T. W. Adams yang pada masa ini bertugas di-Brunei telah berkata bahawa Jabatan Kesihatan dan Perubatan Brunei ada-lah bertanggung jawab dalam perkhidmatan-nya memberi rawatan dan tindakan2 untuk menegah penyakit sama ada bagi perseorangan, kampung2, sekolah2 dan sa-bagai-nya.

Beliau telah berucap demikian dalam cheramah-nya mengenai 'Kesihatan' semasa perjumpaan Penghulu2 dan Ketua2 Kampung Daerah Brunei/Muara di-dewan Kemasharakatan Bandar Brunei hari Sabtu lalu.

Awang Adams menjelaskan, Jabatan Kesihatan sentiasa memerhatikan tentang kebersihan yang mendedahkan kesihatan semua penduduk dalam negeri ini.

Kata-nya, ibu2 yang mengandung ada-lah di-beri nasehat oleh bidan2

tentang makanan dan kesihatan mereka dan sa-lepas bersalin ibu2 itu terus di-tunjokkan chara2 memberi makan dan menjaga anak2 itu.


Kanak2 itu kemudian-nya di-chongkel dan apabila bersekolah kesihatannya terus di-jaga. Boleh di-katakan sa-seorang itu boleh mendapat layanan perubatan sa-panjang hayat-nya bila2 saja ia memerlukan-nya.

Beliau berkata kesihatan masyarakat ada-lah bergantung kepada kesihatan sa-seorang yang tinggal dalam sa-buah kampung dan sa-kira-nya ada yang mengidap penyakit, maka penyakit itu mungkin menjangkit kepada lain2 orang yang sehat dan keadaan2 itu perlu di-jaga dan kebersihan keseluruhan-nya ada-lah perlu juga di-kawal.

Mata2 pelajaran teknikal ada-lah meliputi berbagai2 pengetahuan bagi kursus melatoh beberapa orang Meri-



Awang Adams memerhatikan pekerja2 yang sedang membuat tempat membuat pontong2 rokok di-bangkal Projek Penghapus Malaria, yang di-buat sa-bagai chontoh.



Gambar atas menunjukkan Awang Shahbudin sedang menyampaikan cek yang berharga \$900.00 itu kepada Dayang Bungsu dengan di-saksikan oleh pegawai2 PGGMB.

PGGMB derma \$900.00 kepada keluarga Allahyarham Ag. Damit

KAMPONG AYER. — Ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah mendermakan sa-keping cek yang berharga \$900.00 kepada keluarga Allahyarham Awang Damit bin Momin.

Cek tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Di-Per-tua PGGMB, Awang Shahbudin bin Saleh kepada balu Allahyarham, Dayang Bungsu binte Menuddin di-rumah-nya di-Kampung Pandai Besi pada hari Sabtu lepas.

Awang Shahbudin menyatakan bahawa derma sa-rupa itu ada-lah untuk menolong meringankan tanggungan balu Allahyarham dan keluarga-nya.

Beliau juga telah menasihatkan anak2 Allahyarham itu su-

paya belajar bersungguh2 hingga mencapai kejayaan.

Allahyarham Awang Damit telah terbunuh dalam satu kejadian ngeri di-Sungai Brunei dalam bulan Mei yang lalu.

Allahyarham meninggalkan 10 orang anak, enam daripadanya maseh bersekolah.

Derma dari ahli2 PGGMB itu ada-lah derma yang paling tinggi sekali yang di-terima oleh keluarga Allahyarham itu.

Pada bulan lalu, murid2 dan guru2 Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Brunei, di-mana salah sa-orang anak Allahyarham itu menuntut di-situ, telah mendermakan wang tunai sabanyak \$786.00 kepada Allahyarham itu.

nyu2 Kesihatan Luar Bandar bagi melaksanakan kebersihan, memperbaiki keadaan2 rumah, menolong supaya penyakit tidak merebak.

Merinyu2 Kesihatan itu, katanya, akan di-kehendaki bertugas di-kawasan2 dalam bandar bagi memerhatikan kebersihan makanan di-kedai2 makan dan penghapusan lalat, nyamok, tikus dan sa-bagai-nya.

Memperbaiki kebersihan kampung ada-lah satu kerja yang besar yang berkehendakkan sokongan ketua2 dan penghulu2 kampung serta penduduk2-nya dan keadaan itu mesti-lah berjalan terus menerus dengan kemudahan2 yang ada.

Awang Adams juga menerangkan serba sedikit mengenai Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia yang menurut cheramah beliau sa-bagai satu langkah untuk mengurangkan dan mengawal penyakit dari merebak ka-merata dunia di-samping menurunkan angka kematian di-sebabkan penyakit.

Penasehat Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia itu telah tiba di-Brunei awal tahun ini atas jemputan Kerajaan untuk meninjau keadaan kesihatan di-negeri ini dan beliau di-jangka akan meninggalkan negeri ini dalam bulan Oktober akan datang.

Awang Adams juga berpuas hati tentang kesihatan di-sini yang di-sifatkan beliau telah dapat di-kawal kerana perkhidmatan2 perubatan yang tinggi. Beliau berharap akan dapat melihat Brunei dalam keadaan terus maju di-bidang kesihatan di-masa2 yang akan datang.

Pada minggu hadapan 'Pelita Brunei' akan menerbitkan lagi petekan cheramah mengenai Kesihatan oleh Awang Chua Kong Seng.

KERIKET

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Keriket Negeri Brunei akan berlepas ka-Kota Kinabalu pada hari Sabtu, 12 September untuk mengambil bahagian dalam perlakuan keriket antara tiga wilayah yang akan di-adakan di-Padang Pulis Kepayan, Kota Kinabalu.

Rombongan Brunei itu akan diketuai oleh Yang Di-ePrtua Persatuan Keriket Negeri Brunei, Pengiran Dato Paduka Omar bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong.

Lumba basikal jarak jauh

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan perlumbaan basikal jarak jauh kali yang ketiga bagi memperingati hari perpuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan dan bukan-nya bersempena hari keputeraan Bagida sa-bagai-mana yang telah di-umumkan.

Perlumbaan itu akan di-adakan pada 29 September dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei sa-jauh 67 batu.

Perlumbaan itu terbuka kepada orang2 dewasa di-negeri ini. Peserta2 boleh-lah mengambil bahagian dalam persa-orangan dan sa-chara berpasokan yang mengandongi lima orang.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 Negeri Brunei berkata pada tahun ini perlumbaan basikal bagi wanita2 juga akan di-adakan. Peserta2 wanita itu akan berlumba sa-jauh 10 batu ia-itu dari Balai Polis Pengkurong ka-Bandar Brunei.

Borang2 untuk memasoki perlumbaan itu boleh-lah di-dapati dari Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Pejabat Kebajikan Masharakat, Bandar Brunei, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di-Pejabat Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait, dan Awang Junaidi bin O.K.S.N. Awang Mohamed Safar, di-Persatuan Melayu Keriam, Tutong atau di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Bayaran masuk ia-lah \$2.00 bagi persa-orangan dan \$5.00 bagi berpasokan.

Borang2 dan bayaran masuk hendak-lah di-kembalikan tidak lewat 15 September jam 4.00 petang.



Gambar atas: Peserta2 yang telah berjaya dalam pertandingan tersebut sa-telah penyampaian hadiah. Sementara gambar kanan: Ag. Moris Lyn pemenang pertama dalam bahagian langgam sedang menerima piala kemenangan-nya dari Dayang Tinah.

Bintang Radio perengkat Daerah Brunei-Muara.

BANDAR BRUNEI — Pertandingan Bintang Radio perengkat daerah Brunei dan Muara telah berlangsung pada malam Ahad lalu di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei.

Awang Moris Lynn telah memenangi bahagian langgam, naib — johan Awangku Zaidi Pengiran Damit dan ketiga Awangku Metussim Pengiran Tuah.

Langgam bahagian wanita: Johan-Dayang Zaleha Manan; naib — johan — Siti Hajar Manaf dan ketiga-Dayangku Mariam Pengiran Haji Mohamed.

Lagu asli bahagian lelaki: Johan — Awang Muhammad bin Omar, naib — johan Mohamed Saini Ahmad dan ketiga — Awangku Puteh Pengiran Manggong.

Lagu asli bahagian wanita: Johan — Dayang Siti Mariam Yusof, naib — johan Rosni Haji Samlee dan ketiga A. B. Mashuarah.

Seramai 4 orang, ia-itu johan bagi tiap2 bahagian akan mewakili daerah Brunei dan Muara ka-pertandingan perengkat seluroh negeri, yang akan berlangsung di-padang besar bandar Brunei, yang juga dijadikan sebahagian dari ranchangan sempena menyambut hari penukaran nama Bandar Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Tinah, isteri Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohamed Salleh Haji Masri.

\$2,826 di-perolehi

BANDAR BRUNEI — Palang Merah Chawangan Brunei-Muara telah mengutip \$2,826 semasa hari bendera yang telah di-adakan baru2 ini.

Sa-orang juruchapak Palang Merah telah menguchapkan terima kasih kepada orang ramai yang telah mengulorkan derma semasa penjualan bendera itu.



Peraduan mengarang sempena penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan

BANDAR BRUNEI — Peraduan mengarang di-atas tajok mengenai Perkembangan di-masa pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan akan diadakan bersempenan menyambut perayaan bagi mengistiharkan penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Peraduan yang di-anjorkan oleh sa-buah jawatan-kuasa yang telah di-bentuk baru2 ini ada-lah berdasarkan kepada dua aliran tajok yang themanya berlainan. Bahagian pertama ia-lah tajok am, ia-itu 'Perkembangan Negeri Brunei dalam masa pemerintahannya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan'.

Bahagian Kedua tajok khas (thema berlainan) yang mengandongi lapan tajok karangan dan peserta2 boleh memilih satu daripada tajok tersebut, ia-itu mengenai ekonomi, ugama, adat istiadat, pelajaran, bahasa, kesihatan, kebajikan masyarakat dan penyiaran dan penerangan.

Peraduan ini ada-lah terbuka kepada penduduk2 Negeri Brunei dan rakyat Duli Yang Maha Mulia Sul-

tan sama ada yang berada di-dalam atau pun di-luar negeri.

Karangan tajok am hendak-lah di-tulis dari antara 3,000 hingga 4,000 perkataan sementara tajok khas ia-lah 1,500 hingga 2,000 perkataan.

Lain2 syarat untuk menyertai peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

a) Sa-tiap peserta hendak-lah menuliskan nama yang benar dalam kertas yang berasingan dan nama samaran dalam karangannya.

b) Karangan hendak-lah di-tulis dalam tulisan rumi. Jika di-taip hendak-lah selang dua baris (Double spacing). Sa-tiap karangan hendak-lah di-buat dalam tiga salinan.

c) Sa-tiap karangan ada-lah menjadi hak penganjor peraduan ini.

d) Keputusan hakim dalam peraduan ini ada-lah muktamad.

e) Keputusan peraduan akan di-umumkan pada 5hb. October 1970.

f) Sa-tiap karangan hendak-lah sampai kepada Setia Usaha peraduan tidak lewat dari tarikh 24hb. September 1970 jam 12.30 tengah hari. Karangan2 tersebut hendak-lah di-tujukan ka-alamat seperti di-bawah:-

Setia Usaha

Peraduan Mengarang Perkembangan

Di-Masa Pemerintahan DYTM

Paduka Seri Begawan Sultan

d/a Sekolah Menengah Melayu SMJA

Bandar Brunei.

Brunei.

Tawaran biasiswa dari BSP Seria

SERIA. — Sharikat Minyak Shell sedang menawarkan biasiswa kepada anak2 tempatan untuk menjalani kursus diploma dalam jurusan kejuruteraan atau sains di-universiti di-United Kingdom bagi tahun depan.

Pemohon2 yang mempunyai kelayakan dan syarat2 seperti berikut sahaja di-kehendaki memohon:

(a) Tiap2 pemohon hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat Brunei.

b) Berumur di-bawah 23 tahun pada 31 Disember 1970.

(c) Lulus sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat pangkat pertama atau bersamaan dengan-nya.

(d) Lulus Sijil Persekolahan Tinggi atau yang sa-banding dengan-nya.

Pemohonan2 juga akan diterima dari chalun2 yang akan mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut pada penghujung tahun ini.

Dermaiswa itu akan di-berikan untuk sebarang mata pelajaran bagi kursus selama tiga tahun, tetapi pemohonan2 juga akan di-pertimbangkan daripada pemohon2 yang ingin mengikuti kursus yang lebeh lama dari itu.

Untuk chalun2 yang belum lagi mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan, pemberian dermaiswa kepada-nya akan di-pertimbangkan apabila keputusan peperiksaan di-umumkan.

Permohonan yang di-buat sa-chara bertulis dengan menyatakan perihal diri sendiri, keputusan2 peperiksaan yang lengkap dan jurusan yang di-kehendaki, hendak-lah di-kirimkan kepada **Ketua Jabatan Perkhidmatan Kakitangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria** tidak lewat dari 12 September, 1970.

Sambutan2 puja usia D.Y.M.M.

KUALA BELAIT. — Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 akan di-ra'ikan sa-chara berasingan di-mukim2 di-Daerah Belait dalam bulan ini.

Perayaan itu akan di-adakan di-Kuala Balai pada 12 September dan Labi pada 17 September.

Bukit Sawat telah mengadakan perayaan itu pada 29 Ogos dan Sukang dan Melilas pada 5 September.

Achara2 dalam ranchangan termasuk-lah pertunjukkan anika warna, tarian2 asli, lawak jenaka dan perlawanan2.

Jawatan-Jawatan Kosong

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Sa-bagai Penjaga Asrama Jururawat

Permohonan2 adalah di-pelawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Penjaga Asrama Jururawat Kerajaan, Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Form III Inggeris dan keutamaan akan di-beri kepada perempuan2 yang maseh bujang.

b) Umor — Mesti-lah lebeh daripada 35 tahun.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal mengurus sa-buah asrama dan mempunyai pengalaman dalam kerja menguruskan makanan bagi kakitangan.

Tugas2:

Mengawasi kakitangan2 yang menginap di-asrama dan menguruskan makanan bagi lebeh kurang 60 orang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 — \$380 x 20 — 620/EB/640 x 20 — 700.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21hb. September, 1970.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A) PEGAWAI BAHASA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan degree dari Universiti yang di-akui dalam pengajian Melayu atau mempunyai diploma yang sa-banding dengan-nya; atau

b) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut diatas tetapi mempunyai pengalaman yang istimewa dalam hal karang mengarang dalam Bahasa Melayu akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B.2 EB3 — B\$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B) PEGAWAI PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan V di-Sekolah2 Menengah atau yang sa-banding dengan-nya;

b) Mempunyai pengalaman dalam hal perpustakaan sa-lama sa-kurang-nya tiga tahun; dan

c) Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

C) PENOLONG PEGAWAI ISTILAH:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau mempunyai kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya. Mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang Istilah selama dua tahun,

sa-bagai tambahan kepada kelayakan2 yang di-kehendaki, akan di-beri keutamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

D) PENOLONG PENYUNTING:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai pengetahuan tinggi dalam Bahasa Melayu dan Persuratan Melayu dan mempunyai pengalaman sa-bagai penyunting.

c) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-sebutkan dalam (a) tetapi ada mempunyai pengalaman yang luas dalam hal menyunting akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan gapap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia

Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30hb. September, 1970.

Penterjemah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penterjemah di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya.

b) Mempunyai pengalaman menterjemah sekurang2-nya selama tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan gapap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 September, 1970.

Sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 Melayu yang di-lahirkan di-Brunei serta menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan dan sekurang2-nya telah menjalani Tahun Pertama Kursus Ijazah atau yang bersamaan di-sa-sebuah Universiti yang di-akui untuk di-lantek sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkat II. Brunei.

Tingkatan Gaji:

Dalam sukatan gaji B.1 — \$630 x 30 — 990.

Sharat2 Lantekan:


Pemohon2 yang di-pilih akan di-lantek sa-chara perchubaaan selama dua tahun. Sa-belum di-tetapkan dalam jawatan Pegawai B.A.S. Tingkat II, chalu2 yang berjaya akan di-kehendaki lulus peperiksaan yang tertentu dalam Undang2 dan Perintah 'Am

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2. Sampul

surat yang mengandongi permohonan mesti-lah di-tandakan "Permohonan untuk B.A.S." di-atas sebelah kiri. Hanya salinan sijil2 dan surat2 akuan yang mesti di-sertakan

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 September, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Pingat2 untok penderma2 darah

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia Dr. P. I. Franks telah meminta kepada orang ramai yang telah menderma darah sejak bulan April, 1968 supaya memberikan keterangan2 untok mendapatkan hadiah.

Semenjak pemberian hadiah yang pertama dalam tahun 1968, orang ramai telah dengan sukarela mendermakan darah mereka untok menyelamatkan nyawa manusia.

Hadiah2 tersebut ia-lah pingat emas untok penderma2 darah lebeh dari 11 kali, pingat perak untok penderma2 di-antara 6 hingga 11 kali dan lenchana penderma darah untok mereka yang menderma sebanyak lima kali.

Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja berkata, hadiah2 itu ada-lah sa-bagai satu tanda penghargaan untok orang yang telah membuat pengorbanan bagi faedah sesama manusia.

Beliau meminta penderma2 di-Daerah Belait supaya menghantarkan nama2 dan alamat mereka kepada pegawai perubatan Kuala Belait dan penderma2 di-lain2 daerah hendak-lah menghantar nama2 mereka ka-Penguasa Makmal di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei. Pengarah Perubatan dan Kesihatan itu berkata, keterangan2 hendaklah termasuk pemberian darah yang lalu yang mana hadiah telah diberikan.

Pameran buku2

(Dari Muka 1)

Di-antara-nya, tiga buah penerbit telah bersetuju menyertai pameran tersebut. Penerbit2 itu ia-lah Borneo Literature Bureau Sarawak; Longman Malaysia Sdn. Berhad K.L.; dan Graham Brash Sdn. Berhad, Singapura.

Berhubung dengan penerbitan2 lama karangan orang2 Brunei, juruchakap itu menyatakan bahawa sa-jauh ini jawatankuasa pameran belum lagi menerima sebarang penerbitan sama ada yang berchetak atau bertulis tangan.

Oleh yang demikian, juruchakap itu menyeru orang ramai yang menyimpan karangan2 lama itu supaya menghantarkannya ka-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Kata-nya, karangan2 lama itu hanya akan di-pinjam untok mengisikan pameran tersebut, tetapi jika pemilik2 karangan2 lama itu berkehendakan syarat2 yang tertentu, maka jawatankuasa pameran bersedia untok berunding.



Pemandangan Bandar Brunei di-ambil dari udara. Kelihatan di-sebelah bawah ia-lah sa-bahagian dari Kampong Ayer.

Persiapan2 bagi perayaan2 sempena penukaran nama Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Beberapa peraduan dan persembahan2 hiburan telah di-rancang bagi merayakan penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan dalam bulan hadapan.

Persembahan pintu2 gerbang juga telah di-masokan sa-bagai salah satu persembahan untok merayakan penukaran nama bandar tersebut.

Sharikat2 perniagaan, pertubohan2, pemborong2 jabatan2 kerajaan dan orang perseorangan yang ingin membina pintu2 gerbang ada-lah diminta berhubung dengan Setia Usaha Persembahan Pintu Gerbang, Awang Asmat bin H.M. Salleh di-alamat Jabatan Kerja Raya Bandar Brunei.

Awang Asmat berkata, pintu2 gerbang hendak-lah di-bina di-tapak2 yang di-tentukan dan mesti-lah siap sa-belum 1 Oktober.

SENILUKIS

(Dari Muka 1)

hingga 10 kaki. Sa-bilangan besar lukisan2 itu ada-lah merupakan pemandangan2 dan lukisan2 potrit Sultan2 yang pernah memerintah Negeri Brunei.

Juruchakap itu menekankan bahawa pameran tersebut di-jangka merupakan pameran senilukis yang istimewa dari yang pernah di-adakan sa-jauh ini di-seluruh Negeri Brunei.

Sementara itu, pameran gambar2 itu ada-lah berthemakan gambar2 yang menjadi chatetan sejarah negeri ini dan juga gambar2 di-sekitar kehidupan sa-hari2an raayat dan penduduk2-nya.

Untok menchantekan Bandar Brunei pada waktu malam, berchuchul rumah2 dan bangunan sharikat2 dan kedai juga akan di-adakan dari 1 hingga 5 Oktober.

Pengerusi Berchuchol Bangunan2, kedai2 dan Rumah2, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar meminta kerjasama orang ramai supaya menghias rumah2 mereka dan berchuchul pada waktu malam.

Sharikat2 perniagaan, kedai2 dan rumah2 yang bergabung hendak-lah menggunakan chonghan2 kata saperti berikut:

MAJU-LAH BANDAR SERI BEGAWAN, MASHORLAH BANDAR SERI BEGAWAN dan ALLAH PELIHARAKAN BANDAR SERI BEGAWAN.

Perarakan kereta dan basikal berhias serta perarakan tanglong berjalan kaki juga akan di-adakan bersempena penukaran nama bandar tersebut.

Perarakan2 tersebut ada-lah sa-chara sukarela dan ia-nya terbuka kepada sharikat2 perniagaan, persatuan2 belia, kampung2, sekolah2 dan maktab2 di-Daerah Brunei-Muara.

Perarakan itu akan di-adakan pada hari Isnin 5 Oktober.

Borang2 dan syarat2 untok menyertai perarakan2 tersebut boleh di-dapati dari Setia Usaha Perarakan, Awang Zaini bin Haji Bagol, dan Awang Sablee bin Haji Metussin. Borong2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 24 September, 1970 jam 4.00 petang.

Sa-lain dari itu, peraduan mengarang dan pameran2 dan persembahan hiburan juga akan di-adakan sa-masa perayaan.

Daftar pengundi boleh di-pereksa di-Pejabat2 Daerah

BANDAR BRUNEI. — Surohanjaya Pilehan Raya telah pun siap mengubah daftar2 pengundi.

Penyelia Pilehan2 Raya, Dato Paduka Awang Matnoor McAfee berkata, daftar2 pengundi yang di-ubah itu sekarang boleh di-pereksa di-pejabat2 daerah di-seluruh negeri hingga 23 September ini.

Dalam tempoh itu, orang2 yang berkenaan boleh-lah membuat sebarang bantahan mengenai daftar2 pengundi yang di-fikirkan tidak betul.

Sa-lama sa-bulan hingga 12 Ogos yang lalu, rombongan pegawai2 pendaftar dari Surohanjaya Pilehan Raya telah melawat ka-kampong2 di-seluruh negeri untok menjalankan kerja pendaftaran sa-bagai persiapan untok di-ubah.

Pendaftaran di-lakukan kepada mereka yang dari sejak perubahan daftar2 pengundi yang lalu telah memperoleh sijil2 keraayatan dan mereka yang layak mendaftar, tetapi tidak berbuat demikian pada tahun lalu.

PENTADBIRAN AWAM

(Dari Muka 4)

satu sistem pentadbirannya yang tersendiri yang telah di-susun, di-asoh dan di-kembangkan menurut kesesuaian keadaan dan kepentingan2 raayat dan negara itu. Sifat2 atau sa-bahagian daripada sifat2 sistem ini kerap kali terdapat persamaan di-negara2 lain, tetapi persamaan ini hendak-lah di-sifatkan sebagai satu koinsiden saja. Apa yang elok dan efisien di-sesabuh negara tidak semesti-nya sesuai di-lain2 negara. Pendek kata, sistem pentadbiran bagi sa-sabuh negara itu hendak-lah di-sukat menurut badan masing2.

(Bersambung)